

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	12/10/2019	MUKA SURAT : 37
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

'Si kumbang mungkin ke hutan'

Umpan Perhilitan tidak diusik, harimau kumbang sudah seminggu tidak kelihatan

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Harimau kumbang yang sebelum ini pernah muncul di sekitar Taman Hammoni, Bandar Al Mukhtabillah Shah, Bukit Besi, Dungun dipercayai sudah kembali semula ke hutan atau berpindah ke tempat lain. Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman berkata, ini kerana haiwan tersebut tidak lagi kelihatan malah umpan diletakkan di dalam perangkap yang dipasang Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Tereng-

ganu tidak terusik. "Perhilitan pasang dua perangkap, satu lelak umpan ayam hidup manakala satu lagi anab. Tapi sudah seminggu kita buat tidak ada tanda-tanda harimau kumbang datang dan penduduk pun tak nampak kelibat dia. "Kita harap harimau kumbang ini sudah kembali ke hutan atau pergi ke tempat lain kerana sumber makanan dia telah habis. "Sebelum ini, ada anjing liar, kucing dan anab peliharaan penduduk tapi semua hilang dipercayai dimakannya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Ghazali berkata, perkembangan terbaru itu melegakan penduduk dan mereka kini menjalani rutin seharian seperti sedia kala termasuk aktiviti pada waktu malam seperti kelas mengaji yang sebelum ini dihentikan sementara kini kembali beroperasi. Katanya, bagaimanapun, penduduk diminta berhati-hati sehingga pihak berkuasa mengesahkan ancaman harimau kumbang

Ghazali (kiri) meninjau perangkap harimau kumbang yang dipasang Perhilitan baru-baru ini.



benar-benar sudah tiada.

"Penduduk masih bekerjasama dengan Perhilitan memantau perkembangan semasa harimau kumbang dan kita lega kerana haiwan ini sudah tidak kelihatan," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kebimbangan penduduk di taman perumahan berke-

Harimau kumbang pula di Dungun

Jabatan Perhilitan Terengganu melaporkan bahawa harimau kumbang telah dilihat di Dungun, Terengganu. Harimau kumbang ini dilihat di Dungun pada 11 Oktober 2019. Harimau kumbang ini dilihat di Dungun pada 11 Oktober 2019. Harimau kumbang ini dilihat di Dungun pada 11 Oktober 2019.



Keratan Sinar Harian pada 18 September lalu.

naan kerana sering melihat harimau kumbang di sekitar rumah mereka pada bulan lalu dan Perhilitan Terengganu bertindak memasang perangkap sejenis

aduan dibuat. Bagaimanapun, haiwan itu masih belum berjaya ditangkap dan Perhilitan terus melakukan pemantauan.